

Macam berada di New Zealand



» **Panorama
di Kundasang**
tenang
dan
mengagumkan



Pelansong asing menikmati masakan tradisional Kadazan Dusun di Pekan Nabal, Kota Belud.

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

Mungkin hanya cerita kembara kampung yang ingin dikongsi penulis, tetapi destinasi yang dituju tidak ubah seperti berada di luar negara.

Apa tidaknya kunjungan ke kawasan lembah gunung di Kampung Mesilau, Kundasang, dekat Ranau, Sabah bagaikan satu pemandangan ketika berada di New Zealand.

Tidak hairanlah ada yang menggelar Kampung Mesilau sebagai New Zealand Malaysia.

Di sini penulis dan keluarga menikmati pemandangan indah penternakan lembu tenusu milik Ladang Tenusu Desa di kaki Gunung Kinabalu.

Kami juga berpeluang menyaksikan sendiri proses pemerahan susu lembu dan pembuatan susu segar dari kilang di kawasan ladang. Selain baka lembu yang diimport dari New Zealand, rumput di padang ragut dan pepohon di kawasan ladang milik Desa Dairy Farm itu juga diimport dari negara berkenaan.

Untuk ke ladang seluas 180 hektar dibuka sejak 1980 itu, pengembara perlu melalui kawasan lembah dari pekan Kundasang.

Memandu pada jarak kira-kira lima kilometer (km) dari Kundasang ke ladang itu yang menempuhi jalan bertar dan laluan batu kelikir mungkin boleh menimbulkan rasa tidak selesa.

Tempuh kabus tebal

Pemanduan dari Kota Kinabalu ke Kampung Mesilau pada jarak 101 km sehalu.


Lokasinya di kawasan tanah tinggi menyebabkan pemandu menempuh kawasan berkabus tebal.

Sepanjang pemanduan ini, kami turut singgah di pekan Tamparuli, Tuaran.

Daerah ini terkenal dengan Jambatan Tamparuli, iaitu jambatan gantung merentangi Sungai Tamba-

KAMI JUGA BERPELUANG MENYAKSIKAN SENDIRI PROSES PEMERAHAN SUSU LEMBU DAN PEMBUATAN SUSU SEGAR DARI KILANG DI KAWASAN LADANG”

Penulis



Jambatan dua tingkat merangkumi Jambatan Gantung dan Jambatan Konkrit di pekan Tamparuli, Tuaran yang popular dengan panggilan Jambatan Tamparuli.

ruli. Ia popular menerusi lagu rentak sumazau berjudul *Jambatan Tamparuli* nyanyian Justin Lasaah.

Dibina pada tahun 1930-an, jambatan itu dikaitkan dengan legenda jeliawan Kadazandusun bernama Solungkoi.

Solungkoi kononnya sanggup mengorbankan diri untuk menenangkan tambokar atau naga penunggu yang sering mengganggu pembinaan jambatan berkenaan.

Di bawah jambatan gantung berkenaan ada sebuah jambatan konkrit sehalu, menariknya ketika air pasang, pemandu seolah-olah memandu di permukaan air.

Penduduk daerah ini amat ramah. Ketika seronok bergambar di atas jambatan gantung, seorang remaja menunggu dengan sabar untuk melintas bagi mengelak daripada mengganggu keterujaan kami.

Ketika kami memintanya supaya meneruskan perjalanannya, remaja itu dengan sopan meminta maaf kerana mengganggu kami.

Itulah sebenarnya budi bahasa orang Sabah. Sopan santun dan menghormati tetamu.

Wajib singgah ke pekan Nabalu

Sebelum sampai ke Kundasang, tidak lengkap kalau tidak singgah di Pekan Nabalu, Kota Belud.



Penulis (kiri) berada di kawasan padang ragut di Kampung Mesilau, Kundasang, Ranau.

Selain singgah rehat, makan dan membeli beraneka kraf tangan tempatan, pengunjung boleh menyaksikan panorama perkampungan masyarakat Kadazandusun di kawasan kaki bukit atau lembah gunung.

Banyak sebenarnya tempat menarik lain sepanjang laluan, tapi kami tidak sempat singgah, antaranya Rumah Terbalik di Tulibong, Tamparuli dan Taman Negara Kinabalu, Ranau yang meliputi kawasan Gunung Kinabalu.

Sebelum balik ke Kota Kinabalu, kami sempat santai di Jambatan Gayang, merentangi Sungai Mengkabong.

Jambatan ini menghubungkan Tuaran dan Kota Kinabalu untuk melihat perkampungan atas air masyarakat rakat Bajau, selain penternakan ikan dalam sangkar.

Jika bernasib baik, pengunjung boleh menyaksikan panorama Gunung Kinabalu berlatarkan bot yang seolah-olah menuju ke kawasan gunung. Kebanggaan rakyat Negeri di Bawah Bayu itu.



Pemandangan indah kawasan pergunungan dan pokok paku menjadikan pengunjung Kampung Mesilau, Kundasang, Ranau seperti berada di New Zealand.



Penjualan kraf tangan tempatan di klinik Sabah di Pekan Nabalu, Kota Belud.

